



PEKELILING SETIAUSAHA JAWATANKUASA PERANCANG  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN  
BILANGAN 5 TAHUN 2012

## **GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEJIRANAN HIJAU**

---

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR

PEKELILING SETIAUSAHA JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN  
BILANGAN 5 TAHUN 2012

**GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEJIRANAN HIJAU**

---

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan berkenaan keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor mengenai pelaksanaan Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau di Negeri Selangor.

**2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Pada akhir tahun 2009, semasa Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berkenaan Perubahan Iklim di Copenhagen, Denmark, Kerajaan Malaysia telah menzahirkan komitmen untuk mengurangkan intensiti pengeluaran gas rumah hijau (*green house gases*-GHG) sebanyak 40% berdasarkan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020 berbanding paras pengeluaran gas rumah hijau pada tahun 2005. Pembangunan hijau (*green development*) dijangka akan terus diberi penekanan oleh Kerajaan dalam Bajet tahunan dan juga Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT). Komitmen tersebut perlu diterjemahkan ke dalam semua aspek kehidupan termasuklah pembangunan perbandaran. Justeru, bagi mencapai matlamat berkenaan, pelbagai inisiatif perlu dilaksanakan dengan segera oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT), pemaju, dan pelbagai pihak berkepentingan yang lain.

2.2 Usaha ke arah pembentukan perbandaran hijau (*green township*) akan menjadi prinsip perancangan bandar di mana sesuatu kawasan bandar akan dirancang untuk lebih '*energy efficient*' dengan '*low carbon emission*'. Salah satu inisiatif yang boleh dilaksanakan adalah melalui

**konsep pembangunan kejiranan hijau** bagi memastikan kadar pembebasan GHG tidak terus meningkat. Konsep ini sesuai dengan cadangan pendekatan baru pembangunan perbandaran untuk membentuk bandar yang berdayahuni, padat dan *vibrant*. Aplikasi teknologi hijau dan pembinaan bangunan hijau adalah komponen yang penting dalam kejiranan hijau sepertimana pendekatan baru yang dicadangkan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

- 2.3 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBDSM) telah menyediakan GPP Kejiranan Hijau bagi membantu kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT), pemaju, badan kerajaan dan bukan kerajaan semasa merancang, mereka bentuk dan mengawal pembangunan kejiranan hijau.
- 2.4 GPP Kejiranan Hijau telah diluluskan oleh Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim pada 11 Ogos 2011 dan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 November 2011.

### **3.0 KANDUNGAN PEKELILING**


- 3.1 Pekeliling ini mengandungi keputusan JPNS Bil. 2/2012 bertarikh 110 April 2012 yang mana Jawatankuasa **bersetuju** terhadap pemakaian Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau oleh Kerajaan Negeri dan PBT di Negeri Selangor.
- 3.2 Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau adalah seperti di Lampiran.

#### 4.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini hendaklah mendapat perhatian dan dilaksanakan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah / Daerah di Negeri Selangor.

#### 5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.



( HJ. MOHD. ZAKI BIN IBRAHIM )

Pengarah

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor.

***Merangkap***

Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor

14 Mei 2012